

Lima strategi capai aspirasi UMS

UB 27.03.2017 A6

KOTA KINABALU: Lima strategi digariskan Pendaftar Universiti Malaysia Sabah (UMS) No'man Hj Ahmad dalam mencapai aspirasi 2017 yang bertemakan 'Mengoptimum Sumber, Memaksima Potensi'.

Lima strategi itu adalah **M e m p e r k u k u h k a n** Pelaksanaan Program Pembangunan Bakat UMS, Multi Tasking dan Cross Function Skim Perkhidmatan, Mengoptimum Sumber Melalui Projek DIY, Pemerkasaan Projek Inovasi Pentadbiran, dan Mewujudkan Persekitaran Kerja Yang Kondusif.


Menurut No'man strategi dan aspirasi itu adalah kesinambungan daripada tema amanat Naib Canselor UMS 2017 pada 7 Mac lalu, iaitu 'UMS Mengoptimum Sumber' yang antara lain mengetengahkan aspek mengoptimumkan segala sumber yang ada, sama ada sumber manusia, teknologi atau aset, modal atau kewangan, mahupun alam sekitar.

"Pengoptimuman sumber ini dapat dilaksanakan jika kita menggunakan segala potensi yang ada, yang mana potensi ini lahir sama ada daripada ilmu pengetahuan, pengalaman, kepakaran, kebijaksanaan dan kelebihan yang kita ada," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan sempena Majlis Aspirasi Pendaftar 2017 di Dewan Resital, UMS.

No'man berkata sebagai menyokong aspirasi pertama, satu Garis Panduan Program Sangkutan Industri Bagi Kakitangan Pentadbiran akan digunapakai dan dilaksanakan bagi memberi peluang kakitangan mempelajari amalan terbaik yang dilaksanakan di industri bagi menambah dan memaksimum potensi staf.

"Bagi aspirasi kedua, antara strategi yang diambil adalah seperti memberi autoriti kepada ketua jabatan menggunakan kemahiran setiausaha pejabat masing-masing bagi membantu dalam tugas keurusetiaan sesuatu



NO'MAN

mesyuarat utama yang ketua jabatan itu pengerusikan atau sebagai setiausaha.

"Strategi bagi aspirasi ketiga adalah menggalakkan lebih banyak Pusat Tanggungjawab (PTJ) tampil dengan projek Do It Yourself (DIY), selain cadangan untuk melibatkan pelajar dengan kontrak kecil-kecilan di universiti seperti membaiki tombol pintu, pembersihan, landscaping yang jelas mendukung konsep 'value for money,'" katanya.

Katanya dalam aspirasi keempat pula, tiga usaha digariskan dalam memperkasakan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) iaitu menubuhkan KIK Hybrid, iaitu kumpulan kakitangan dari dua atau lebih PTJ yang bersilang fungsi dan bekerjasama untuk sesuatu projek, menekankan kepada aspek keberhasilan dan impak projek, serta mengembangkan projek menerusi aktiviti replikasi dan pengkomersilan.

"Universiti juga sedang dalam usaha mendapatkan pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (Eksa) daripada Mampu yang antara faedahnya adalah mampu menjana idea kreatif dan inovatif dalam kalangan kakitangan, serta menekankan amalan hijau, sekali gus selari dengan aspirasi kelima yang digariskan," katanya.

Pada majlis itu, No'man juga menyampaikan watakah pelantikan kepada 10 ahli jawatankuasa pengurusan rekod UMS dari pelbagai PTJ.